

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : YB DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG  
KAWASAN : AYER HITAM**

**SOALAN :**

**YB DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:

- (a) status pembinaan pembahagi jalan-jalan pelebaran jalan FT50 Jalan Kluang-Ayer Hitam dan Batu Pahat yang masih dimulakan di kawasan Parlimen Ayer Hitam; dan
- (b) status pelebaran dan menaik taraf Jalan Persekutuan dari Ayer Hitam ke Chaah yang dipohon sejak bertahun-tahun lalu.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Cadangan untuk membina pembahagi atau median di Jalan Persekutuan FT050 Batu Pahat - Ayer Hitam - Kluang telah disenaraikan oleh pihak Kerajaan Negeri Johor sebagai projek utama untuk dilaksanakan. Justeru itu, Kementerian ini telah mengangkat permohonan Menaiktaraf Jalan Persekutuan FT050 Batu Pahat – Ayer Hitam - Kluang, Batu Pahat bagi Fasa 3A iaitu dari Parit Sempadan, Batu Pahat ke Persimpangan Tol PLUS Ayer Hitam di dalam permohonan *Rolling Plan* 4 Tahun 2020. Walau bagaimanapun, kelulusan pelaksanaan dan peruntukan projek adalah tertakluk kepada pertimbangan dari pihak Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan juga Kementerian Kewangan.

Berkenaan cadangan pelebaran dan menaik taraf Jalan Persekutuan dari Ayer Hitam ke Chaah pula, semakan bancian dan isipadu trafik lalulintas terkini mendapati bahawa Tahap Perkhidmatan Jalan (*Level of Service* atau LOS) berada pada tahap LOS C. Ini bermaksud bahawa tahap kesesakan pada waktu puncak masih boleh diterima. Di samping itu juga, cadangan untuk menaiktaraf jalan ini tidak disenaraikan sebagai keutamaan oleh pihak Kerajaan Negeri Johor.

Sekian, terima kasih.